



# International Night

## perkenal budaya dan tradisi antarabangsa

Hampir 500 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeriahkan program International Night 2013 anjuran Pejabat Antarabangsa di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 9 Disember 2013 yang lalu.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, program ini merupakan acara tahunan yang melibatkan penyertaan pelajar antarabangsa dari pelbagai negara bagi perkongsian budaya seterusnya memupuk semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan pelajar serta staf UMP.

Penganjurannya yang masuk kali ke-4 ini merupakan platform untuk member peluang pelajar antarabangsa merapatkan hubungan baik serta memperkenalkan budaya yang unik dan tradisi di negara masing-masing.

"Program yang bertemakan "Mengelilingi Dunia dalam Satu Malam" menampilkan persembahan kebudayaan pelbagai negara di samping menampilkan keunikan makanan negara mereka.

"Sehingga September 2013, jumlah komuniti antarabangsa di UMP hampir

mencecah 300 orang merangkumi jumlah staf dan pelajar dari pelbagai warganegara," ujar beliau ketika merasmikan program tersebut.

Jelasnya lagi, pelajar-pelajar tersebut antaranya dari Algeria, Bangladesh, China, India, Indonesia, Iraq, Libya, Nigeria, Oman, Pakistan, Palestin, Republik Chad, Somalia, Sudan dan Yaman.

Pengunjung juga bukan sekadar dihiburkan dengan persembahan malah para tetamu dapat menikmati juadah dari pelbagai negara antaranya menu 'Pisang Keju' dari negara Indonesia, 'Manto' dari Afganistan dan 'Methi Tikki' dari negara Pakistan.

Beliau berharap dengan program sebegini dapat meningkatkan perpaduan antara pelajar dengan warga UMP dan mengeratkan lagi hubungan antara satu sama lain.

Hadir sama Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim, Dekan Institut Pengajian Siswazah, Profesor Dr. Abdullah Embong dan perwakilan dari Malaysia Turkish Dialogue Society (MTDS).

Bagi Abdul Qaharsarwari, dari Pakistan

yang sedang menuntut dalam pengajian kedoktoran di Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) pula berkata, program ini sangat menarik dan banyak pengetahuan baharu yang dipelajari.

Katanya, bukan mudah untuk kita merasai pelbagai menu yang disediakan setiap negara malah dapat juga dapat mengenali budaya mereka dengan lebih dekat lagi. Tambahan pula, pelajar antarabangsa juga turut menyediakan tapak pameran yang menampilkan pelbagai maklumat mengenai negara masing-masing.

Naib Canselor turut menyampaikan hadiah kepada pemenang tapak pameran tercantik yang dimenangi dari negara Afganistan manakala persembahan terbaik dimenangi peserta dari negara India.

Turut dipertandingkan, Pakaian Terbaik Perempuan dimenangi oleh Tahira Batul dari Pakistan yang memakai Pheran yang merupakan pakaian tradisional Kashmiri dan Pakaian Terbaik Lelaki dimenangi Alex Decker dari Jerman.